



Rawat kanser dengan air

Kandungan mineral dalam air zam-zam jadi ilham Dr. Nordin menginovasikan air tapisan.



AIR merupakan penawar bagi pelbagai jenis penyakit.

EKSTRA

- Rx-Water merupakan proses penulenan suci menggunakan tanah liat yang mampu menambahkan kandungan mineral dalam air.
- Menghapuskan logam berat dan bahan radioaktif sementara membuang kulat, patogen dan menghalang pertumbuhan bakteria.

Oleh KHAIRIYAH HANAFI

SEKITAR 14 tahun yang lalu, kehidupan dirinya terasa gelap saat disahkan menghidap kanser darah oleh seorang doktor.

Kata-kata yang diumpamakan seperti halilintar membelah bumi itu membuatkan Profesor Datuk Dr. Nordin Darus, 60, terduduk lesu apabila memikirkan hari-hari yang bakal dilalui dengan status pesakit kanser.

"Pada mulanya saya sendiri tidak menyedari penyakit kanser darah yang dihidapi.

"Namun, apabila ramai yang bertanya kenapa saya sering bercakap dengan nada menjerit dan sukar mendengar perbualan yang dibualkan, saya mula menjalani pemeriksaan di sebuah

NORDIN tidak pernah berputus asa untuk mencari penawar kepada penyakit yang dihidapinya.

selepas mengamalkan minuman air zam-zam, dia mula merasai perubahan dalam badannya dan pulih sedikit demi sedikit.

"Seperti yang kita tahu, air zam-zam kaya dengan kandungan mineral dan merupakan penawar kepada pelbagai penyakit.


"Dari situ saya mula mendapat ilham untuk menghasilkan air yang kaya dengan kandungan mineral. Ini kerana, air adalah ibu penawar dan mampu menyembuhkan penyakit dengan efektif," jelasnya.

Kandungan mineral

Di...



RIDE YOUR STREETS



09:05 AM

HEARTBEATS
OVER NEW YORK

STAY
CURIOUS | Lee

Anglo Apparel Co. Sdn. Bhd. (Co. no. 1541897)

pemeriksaan di sebuah klinik.

"Alangkah terkejutnya saya apabila diberitahu penyakit yang dihidapi itu sebenarnya adalah kanser darah. Lebih mendukacitakan apabila doktor mengesahkan peluang untuk hidup adalah 50-50," jelasnya.

Tidak percaya dengan perkhabaran itu, Nordin menemui beberapa orang doktor di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) bagi memastikan penyakit kanser yang dihidapinya.

"Saya tidak percaya dan mula mempersoalkan penyakit yang dihidapi ini. Mana tidaknya, saya bukanlah seorang perokok dan menjalani gaya hidup sihat.

"Namun, usaha saya ternyata sia-sia kerana jawapan yang diberikan doktor langsung tidak meyakinkan saya," jelasnya yang dahulu pernah bergelar pakar psikiatri di pusat perubatan berkenaan.

Air zam-zam

Biarpun akur selepas diberitahu peluang untuk hidup adalah tipis, namun Nordin tidak berputus asa untuk mencari penawar bagi menyembuhkan penyakitnya.

"Saya pergi ke PPUM untuk mendapatkan rawatan. Bayangkan di sana, saya terpaksa menanggung derita menjalani rawatan kemoterapi sehingga lapan bulan.

"Sepanjang berada di sana, ramai sahabat handai datang berziarah dan memberikan pelbagai ubat-ubatan tradisional termasuk air zam-zam," jelasnya.

Tambah Nordin, sejurus

TANAH liat mampu menambahkan kandungan mineral dalam air.



NORDIN

Biarpun masih belum sembuh sepenuhnya, namun, Nordin ligat membuat kajian mengenai air zam-zam.

"Saya banyak membaca dan membuat kajian mengenai air zam-zam.

"Namun, seperti yang kita ketahui, air zam-zam mempunyai keistimewaan yang tersendiri dan tidak boleh ditandingi oleh mana-mana air lain. Bahkan, kajian mengenai air

tersebut juga masih belum selesai sehingga ke hari ini.

Menurut Nordin, melihatkan permasalahan tersebut, dia mula mendapat ilham untuk menginovasikan air dengan bereksperimentasikan sebuah prototaip penapis air di belakang rumahnya untuk kegunaan sendiri.

"Saya mencuba pelbagai sumber bagi menghasilkan air yang mempunyai kandungan mineral dan nutrisi yang baik.

"Setelah puas bereksperimen, saya kemudian menggunakan tanah liat sebagai bahan utama kerana ia mampu menambahkan kandungan mineral kalsium dalam air," jelasnya.

Tambah Nordin, melihatkan tubuhnya yang semakin pulih daripada penyakit yang dihidapi membuatkan lelaki yang berasal dari Bukit Mertajam, Pulau Pinang itu nekad untuk berkongsi manfaat yang diperolehinya dengan orang awam.

Bergelar pengasas Rx-Water di syarikat Bumiputera, Wellness Network Sdn. Bhd., siapa sangka, Nordin yang bermula dengan hanya menghasilkan prototaip penapis air di belakang rumah. Penapis yang dikenali sebagai Rx-Water ini mampu digunakan oleh segenap lapisan masyarakat selain merawat pelbagai jenis penyakit.

